

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 12 May, 2020 1:14 PM
To: norazlinaabdjil@gmail.com
Subject: Fw: Renungan Ramadan: Perintah Kawalan Pergerakan Perjuangan Sebenar Seorang Hamba-Nya

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 25 April 2020 11:10

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Renungan Ramadan: Perintah Kawalan Pergerakan Perjuangan Sebenar Seorang Hamba-Nya



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

25 APRIL 2020 / 2 RAMADAN 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Madya Dr. Ismail Ishak
Gambar oleh: UUM Corporate Comm.

RENUNGAN RAMADAN: PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PERJUANGAN SEBENAR SEORANG HAMBA-NYA



UUM ONLINE: Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana telah memanjangkan usia kita sehingga dapat bertemu lagi dengan bulan Ramadhan yang penuh barakah ini. Suasana berpuasa pada tahun ini kemungkinan agak berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya.

Kalau dulu kita menyambut kedatangan bulan mulia ini dengan penuh tradisi dan meriah seperti mendirikan solat terawih beramai-ramai di masjid atau surau, mengadakan moreh, bazar Ramadan dan sebagainya, namun kali ini suasana sebegini tidak lagi dapat diulangi, kerana kita sekarang berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan Covid-19 yang telah meragut ribuan nyawa manusia di seluruh dunia tidak terkecuali di negara kita Malaysia.

Apapun keadaan dan persekitarannya, puasa wajib ditunaikan kerana itu adalah perintah Allah SWT sepertimana firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa,”

Jelas bahawa ibadah puasa ini telah disyariatkan Allah SWT sebelum umat Islam lagi. Kemudian Allah mensyariatkannya pula kepada umat Nabi Muhammad SAW.

Ini menunjukkan bahawa kebaikan yang boleh diperolehi daripada ibadah puasa ini cukup banyak dan besar pahalanya. Ramadan merupakan madrasah takwa kerana puasa menjadi sebaik-baik penolong untuk mewujudkan ketaqwaan dalam diri seorang hamba. Maka marilah kita melihat bagaimana puasa yang kita tunaikan kali ini dapat melonjakkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT agar kita dapat mencapai sebuah tujuan yang mulia.

Bagi mereka yang berpuasa dengan penuh keimanan dan keinsafan sudah tentu melihat dengan bijaksana bahawa wujudnya hikmah yang begitu besar disebalik PKP yang dihadapi sekarang.

Inilah masa dan peluang untuk melaksanakan ibadah puasa di samping ibadah-ibadah sunat yang lain dengan lebih sempurna tanpa sebarang alasan. Inilah peluang untuk muhasabah diri dalam ertikata sebenarnya apabila kita lebih banyak bersendirian di rumah, banyak perkara yang berkaitan dengan kemanusiaan, kesusahan, kemiskinan dan keperitan yang melingkari persekitaran kehidupan seharian akan tersentuh di hati. Jika ini berlaku, bermakna kita akan menjadi manusia yang lebih baik dan kelak boleh memberi manfaat kepada orang lain.

Dalam suasana pergerakan yang terhad ini, kita dapat mengawal diri daripada terdedah atau terlibat dalam perkara-perkara yang tidak baik atau sia-sia. Puasa bukan hanya sekadar menahan diri daripada makandan minum tetapi juga perkara-perkara lain, sama ada dari aspek penglihatan, pendengaran, pertuturan dan sebagainya yang boleh membatalkan puasa atau mengurangkan pahalanya.

Stay at home bacalah al-Quran serta tafsirnya, berzikir, solat di awal waktu, solat sunat terawih bersama keluarga, berdoa dan sebagainya bagi memburu ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah SWT.

Puasa dalam tempoh PKP ini akan mengajar kita erti kesederhanaan dalam makan minum dan berbelanja. Disebabkan sekatan ini, kita tidak lagi membazir dan bermewah-mewah ketika berbuka kerana tiada lagi budaya berbuka atau bersahur di hotel-hotel dan membeli juadah yang beraneka jenis dari bazar Ramadan sehingga tidak mampu dihabiskan atau terlalu banyak makan sehingga tidak mampu untuk mendirikan solat sunat Terawih dan lain-lain ibadah.

Sebenarnya puasa semasa PKP ini lebih banyak mengajar kita tentang perjuangan sebenarnya sebagai seorang hamba. Bukan sekadar perjuangan melawan atau mengekang hawa nafsu, tetapi juga perjuangan untuk kelangsungan hidup melawan Covid-19 yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Selamat menjalani ibadah puasa dan patuhi arahan sepanjang PKP. Bersama-sama kita memutuskan rantaian Covid-19.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.